

**Pupuk Budaya Membaca Untuk Bentuk Masyarakat Gemilang - Raja Muda Perlis  
Bernama  
8 Ogos, 2012**

KANGAR, 8 Ogos (Bernama) -- Raja Muda Perlis Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu rakyat memupuk dan menyemarakkan budaya membaca bagi membentuk masyarakat gemilang.

Sehubungan itu, baginda berharap semua pihak berusaha meningkatkan pencapaian diri dan pengetahuan melalui pembacaan buku yang pelbagai.

Titah baginda tiada jalan pintas untuk berjaya dalam hidup, kecuali berusaha dan mempuyai komitmen untuk cemerlang dalam semua bidang.

"Ibu bapa hendaklah memastikan anak mereka mendapat pendidikan terbaik sebagai jaminan penghijrahan daripada belunggu kemiskinan sesuai dengan slogan 'Membaca Memerdekakan Minda'," titah baginda ketika merasmikan perpustakaan mini Masjid Tuanku Syed Putra di sini malam Selasa.

Pada majlis itu, baginda yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) turut menyampaikan sumbangan Hari Raya peringkat zon tengah kepada 72 penerima terdiri daripada golongan miskin.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686469>







